

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8294

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan tindakan berlanjutan yang telah diambil oleh pejabat Peguam Negera ke atas kertas siasatan polis yang telah diserahkan kepadanya terhadap kenyataan Mashitah Ibrahim yang menyatakan komuniti cina di Kedah membakar Al-Quran, semasa perhimpunan agong UMNO.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis memandang serius perkara yang ditakrifkan sebagai menghasut terutamanya yang melibatkan sensitiviti perkauman dan agama tanpa mengira kedudukan seseorang yang mengeluarkan pernyataan tersebut dan akan menjalankan siasatan atas laporan yang telah dibuat dengan adil dan saksama.

Berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Dato' Dr. Mashitah Ibrahim yang menyatakan komuniti Cina di Kuala Kedah telah membakar Al-Quran dalam upacara keagamaan, semasa Perhimpunan Agung UMNO di PWTC, sebanyak 10 laporan polis telah dibuat oleh pelbagai pihak bagi membantah kenyataan yang dikeluarkan oleh suspek. Siasatan telah dijalankan berkait Sentul Repot 20032/2015 bertarikh 5 Disember 2014, di bawah Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang melibatkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Siasatan telah lengkap dan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 5 Februari 2015 dan menunggu arahan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015
[KHAMIS]

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]

SOALAN :-

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status penyediaan pusat kitar semula dan infrastruktur yang akan diberikan oleh Kementerian untuk meningkatkan kadar kitar semula di kalangan masyarakat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui kempen pengasingan sisa di punca, sebanyak 40 pusat pengasingan sisa pepejal yang boleh dikitar semula telah diwujudkan oleh syarikat konsesi bagi memproses sisa pepejal yang boleh dikitar semula yang dikutip melalui kempen pengasingan sisa di punca yang telah dikuatkuasakan pada 1 September 2015. Syarikat konsesi juga telah menyediakan kenderaan khas bagi mengutip barangan kitar semula yang telah diasingkan melalui kempen pengasingan sisa di punca. Selain itu, pihak Kerajaan juga telah mengarahkan syarikat konsesi untuk membekalkan bekas kitar semua dalam bentuk sangkar kepada 2,848 buah premis bertingkat yang berada di bawah perkhidmatan konsesi pengurusan sisa pepejal.